



# SIMPOSIUM KEBANGSAAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK 2004

The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang  
21 – 22 Julai 2004

## BURUH KANAK-KANAK DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

SARIRAH CHE ROSE  
AHMAD SHAMSUL ABD AZIZ

Pensyarah,  
Jabatan Undang-Undang,  
Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang ,  
Universiti Utara Malaysia

Tel: 04-928 4296 (Sarirah) / 4289 (Shamsul)  
E-mail: [sarirah@uum.edu.my](mailto:sarirah@uum.edu.my) , [sham@uum.edu.my](mailto:sham@uum.edu.my)

NORAIN ISMAIL

Pensyarah

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia  
E-Mail: [norain@kutm.edu.my](mailto:norain@kutm.edu.my)



# **BURUH KANAK-KANAK DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG**

SARIRAH CHE ROSE\*

AHMAD SHAMSUL ABD AZIZ\*

NORAIN ISMAIL\*

## ***Abstrak***

*Penggunaan buruh di kalangan kanak-kanak serta pengeksploitasiannya ke atasnya berbeza antara satu negara dengan yang lain. Negara-negara yang mempunyai populasi yang tinggi serta taraf kemiskinan yang melampau menyaksikan lebih ramai kanak-kanak yang keluar bekerja. Di India misalnya, bilangan pekerja di kalangan kanak-kanak menghampiri atau kemungkinan lebih tinggi daripada keseluruhan populasi rakyat Malaysia (Rasamani, 1995). Masalah buruh di kalangan kanak-kanak dan orang muda di Malaysia merupakan isu yang sering diperbahaskan. Walaupun peruntukan undang-undang ada mengenainya, terdapat majikan yang mengambil kesempatan dan golongan kanak-kanak ini menjadi mangsa pengeksploitasiannya pihak yang tidak bertanggungjawab. Artikel ini akan membincangkan secara ringkas senario buruh kanak-kanak di negara kita serta perkembangan undang-undang berkaitan buruh kanak-kanak di Malaysia hingga kini.*

## **Pengenalan**

Laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 1998 menunjukkan bahawa benua Asia dan Afrika adalah yang paling ramai mempunyai buruh kanak-kanak. Negara-negara seperti Bangladesh, Nepal, Pakistan, Thailand, Indonesia, Filipina dan China mengalami masalah serius dalam pengeksploitasiannya buruh kanak-kanak.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) melaksanakan beberapa konvensyen khusus berhubung buruh kanak-kanak dan antara yang disahkan oleh negara kita ialah:

- i. Konvensyen no: 7 (umur minimum) (dicop mohor)
- ii. Konvensyen no: 15 (umur minimum) (pembaikian dan kerja stok)
- iii. Konvensyen no: 123 (umur minimum) (kerja bawah tanah)

Antara isi kandungan konvensyen tersebut adalah membezakan umur minimum seseorang kanak-kanak itu boleh bekerja. Sebagai contohnya, ILO menggariskan di bawah Konvensyen 59, kanak-kanak di bawah umur 15 tahun tidak boleh bekerja sama ada di sektor awam atau sektor persendirian.

## **Perkembangan undang-undang berkaitan buruh kanak-kanak di Malaysia**

Perundangan mengenai buruh di Malaysia berkait rapat dengan komitmen negara kepada Konvensyen ILO dan perbincangan serta pengesahan oleh Badan Penasihat Buruh Negara yang diwakili oleh tiga pihak iaitu pekerja, majikan dan kerajaan (Persidangan

---

\* Pensyarah, Jabatan Undang-Undang, Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang , Universiti Utara Malaysia

\* Pensyarah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

Kebangsaan Kanak-kanak, 1991). Undang-undang yang mengawal buruh kanak-kanak di negara ini pada awal sekali adalah di bawah Enakmen Kanak-kanak 1922. Seksyen 10 Enakmen Kanak-kanak 1922 menyatakan bahawa adalah menjadi satu kesalahan untuk mengambil pekerja di bawah usia tujuh tahun. Kod Pekerja 1935 pula mengandungi dua peruntukan berkaitan dengan pengambilan pekerja di kalangan kanak-kanak. Peruntukan pertama di bawah Perkara 10 Kod Pekerja 1935 menyebut bahawa tidak boleh mengambil mana-mana kanak-kanak imigran India di bawah umur 10 tahun sebagai pekerja terutama pekerja manual. Bagaimanapun, peruntukan ini tidak pula menyatakan sama ada ia terpakai kepada keturunan imigran itu kelak ataupun terhadap golongan bukan imigran. Peruntukan lain pula di bawah Perkara 65 Kod Pekerja 1935 menyatakan bahawa tidak membenarkan mana-mana pekerja wanita pada setiap umur dan pekerja lelaki selagi belum mencapai umur 18 tahun boleh diambil bekerja pada waktu malam. 'Waktu malam' diistilahkan sebagai suatu jangka waktu tidak kurang 11 jam, termasuk waktu rehat antara 10 malam hingga 5 pagi.

Selain itu, Ordinan Kanak-kanak dan Remaja 1947 turut diperkenalkan dan ia ditadbir bersama oleh Pesuruhjaya Buruh dan Ketua Pengarah Jabatan Masyarakat yang terletak di bawah kuasa kuasa Menteri Buruh dan Kebajikan Masyarakat. Seksyen 8 hingga seksyen 11 Ordinan Kanak-kanak dan Remaja 1947 menyebut hal-hal mengenai buruh kanak-kanak dan ia menjadi tanggungjawab Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ordinan Pekerja 1955 yang didrafkan pada 1953 adalah untuk mengisi kekurangan peruntukan di dalam undang-undang buruh. Ordinan Kanak-kanak dan Remaja 1947 diserapkan ke dalam Ordinan Pekerja 1955. Ini dapat memisahkan tugas Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Buruh kerana kedua-duanya sudah menjadi dua unit yang berbeza di bawah Menteri Buruh serta Menteri Kebajikan Masyarakat. Namun begitu, peruntukan berkaitan buruh kanak-kanak dalam Ordinan Pekerja 1955 masih tidak mencukupi. Oleh yang demikian Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) diperkenalkan. Akta ini yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 1966 hanya terpakai di Semenanjung Malaysia. Sementara itu, di Sabah dan Sarawak, Ordinan Buruh Sabah (Cap.67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Cap. 77) turut membincangkan mengenai buruh kanak-kanak.

### **Buruh kanak-kanak: Satu paparan realiti**

Golongan kanak-kanak didapati mula bekerja sewaktu berusia 10 hingga 16 tahun. Laporan oleh *Malaysia Population Census* pada tahun 1980 menunjukkan bahawa lebih 37,475 kanak-kanak yang berumur 10 tahun hingga 14 tahun bekerja sama ada dalam perniagaan keluarga atau lain-lain pekerjaan untuk meringankan beban keluarga terutama dalam sektor perladangan (Jomo, 1992).

Peningkatan yang mendadak buruh kanak-kanak berlaku seperti laporan *Malaysian Population Censuses* pada tahun 1990 di mana jumlah buruh kanak-kanak meningkat menjadi antara 77,000-200,000 orang. Manakala *Malaysian Statistics Department* (1998) melaporkan bahawa daripada 2,985,600 jumlah kanak-kanak yang berusia tujuh hingga 12 tahun, cuma 2,872,000 sahaja yang bersekolah. Ini bermakna kira-kira 113,600 kanak-kanak lagi yang tidak bersekolah, dipercayai sudah melakukan pelbagai jenis pekerjaan (Sinniah, 2000).

Perangkaan pada tahun 1993 menunjukkan bahawa terdapat kanak-kanak yang bekerja di 20 ladang getah dan kelapa sawit di daerah Kuala Selangor, Selangor. Daripada perangkaan tersebut 70 peratus adalah mereka yang berumur di bawah 14 tahun, 25 peratus adalah berumur di bawah 12 tahun. Sebanyak 60 peratus kanak-kanak yang bekerja sepenuh masa adalah di bawah umur 14 tahun termasuk kanak-kanak yang berumur 9 tahun bagi lelaki dan 8 tahun bagi perempuan. Kebanyakan ibu bapa adalah bekerja sebagai penoreh getah, bekerja di ladang kelapa sawit dan pekerja kilang. Lebih daripada 75 peratus adalah terdiri daripada 7 hingga 15 ahli keluarga dan mempunyai pendapatan kurang daripada RM600 sebulan (Pang Yin Fong, 1993).

Secara umumnya, terdapat empat faktor utama yang dikenal pasti punca berkaitan buruh kanak-kanak ini di seluruh dunia (Rozanah, 1996):

i) *Kemiskinan*

Di kebanyakan negara sedang membangun, kemiskinan merupakan sebab utama menjurus kepada wujudnya buruh di kalangan kanak-kanak. Perkara ini terjadi atas sebab keadaan sesebuah keluarga itu sendiri di mana pendapatan keluarga amat rendah dan kanak-kanak ini tidak mempunyai pilihan selain menjadi buruh untuk menampung kehidupan diri serta keluarganya.

ii) *Kurang prihatin akan kepentingan pendidikan*

Peranan ibu bapa amat penting dalam pembentukan anak-anak. Sikap mereka yang kurang prihatin terhadap pendidikan kanak-kanak akan meningkatkan lagi jumlah bilangan buruh di kalangan kanak-kanak. Alasan yang kerap diberikan oleh ibu bapa ialah dengan bekerja, ia dapat melatih seseorang kanak-kanak itu berdikari di samping menyumbang sumber pendapatan bagi kehidupan sebuah keluarga. Malah, mereka juga turut melontarkan pandangan bahawa jika kanak-kanak itu mendapat keputusan cemerlang sekali pun, masih belum dapat menjaminkan sebarang jawatan yang baik untuknya. Justeru, adalah wajar bagi mereka menyuruh kanak-kanak ini keluar bekerja mencari sesuap nasi daripada terus mentelaah buku-buku pelajaran sekolah.

iii) *Kanak-kanak sebagai buruh murahan (cheap labour)*

Kewujudan buruh kanak-kanak juga boleh dikaitkan dengan sikap majikan yang suka mengambil pekerja daripada golongan ini. Kanak-kanak ini dibayar dengan upah yang murah sehingga membolehkan majikan mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Pada hakikatnya, tindakan ini boleh diklasifikasikan sebagai satu penindasan dan penganiayaan terhadap kanak-kanak.

iv) *Sikap masyarakat*

Penggunaan kanak-kanak sebagai buruh ada kaitannya dengan sikap masyarakat yang menerima ini sebagai norma sosial dan tradisi sesuatu bangsa. Sesetengah ibu bapa pula beranggapan adalah menjadi tanggungjawab kanak-kanak untuk membantu menambahkan pendapatan keluarga. Selagi ada kemiskinan, buruh kanak-kanak sukar dihapuskan dan masih diperlukan dalam masyarakat.

##### v) Faktor sosial

Antara faktor sosial yang membawa kepada masalah ini ialah ketidakupayaan ibu bapa, penagihan dadah, ibu bapa yang uzur dan lanjut usia, keruntuhan rumah tangga dan keadaan persekitaran yang tidak gembira,pengabaian oleh ibu bapa dan ibu bapa yang suka mendera di rumah serta pekerjaan yang mudah didapati oleh kanak-kanak tersebut. Ini termasuk juga kanak-kanak yang lari dari rumah yang terpaksa bekerja untuk mendapatkan sesuap nasi. (Anwarul Yaqin, 1996)

#### **Buruh kanak-kanak: Antara eksplorasi dan peningkatan ekonomi**

Masyarakat hari ini sering dide dahkan pengetahuan melalui media massa mengenai perihal kanak-kanak yang dijadikan mangsa eksplorasi oleh inajikan. Perkara ini termasuk dalam keadaan berikut:

##### i) *masa kerja yang panjang*

Kanak-kanak yang bekerja di restoran dan pasar malam biasanya bekerja dalam tempoh jangkamasa yang panjang hingga ke larut malam (Joko, 1992). Manakala yang bekerja di bangkel-bengkel pula biasanya biasanya bekerja tidak kurang dari 19 jam sehari. Malah kanak-kanak di bawah usia 14 tahun turut diambil bekerja sebagai kedi di padang permainan golf dan bekerja melebihi enam jam sehari (Utusan Malaysia, 1994). Terdapat juga kanak-kanak yang tidak mendapat apa-apa bayaran bekerja pada hari cuti mingguan atau cuti umum. Ini merupakan satu penindasan terhadap golongan mereka.

##### ii) *pekerjaan yang terdedah kepada bahaya*

Kanak-kanak yang bekerja dalam bidang pertanian dan perindustrian terdedah kepada kemalangan semasa bekerja. Kanak-kanak yang bekerja di kilang-kilang atau tapak pembinaan, akan sentiasa berhadapan dengan bahaya terutama mereka yang mengendalikan mesin-mesin. Pada kebiasaan, kemalangan berlaku kerana pengendalian peralatan atau mesin-mesin yang tidak betul selain peralatan berkenaan lebih sesuai untuk orang dewasa.

##### iii) *keadaan kerja yang tidak selamat dan kotor*

Kanak-kanak yang diberi kerja yang tidak selamat dan kotor akan terdedah kepada pelbagai jenis penyakit. Kanak-kanak yang bekerja di bengkel kenderaan mudah menghidap penyakit berbahaya kerana terdedah kepada debu dan cat. Laporan Perubatan Fakulti Perubatan Universiti Malaya pada tahun 1993 mendapati kanak-kanak di sektor pertanian akan terdedah kepada bahaya racun perosak serangga dan baja. Pendedahan yang berterusan akan mengakibatkan penyakit lelah, dermatitis dan masalah pernafasan.

##### iv) *gaji yang rendah*

Gaji yang rendah sering diberikan kepada kanak-kanak ini walaupun tabie pekerjaan mereka sama dengan golongan dewasa. Ini juga merupakan satu penindasan kepada golongan kanak-kanak.

Berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan, ternyata di dalam mengaut keuntungan, para majikan alpa akan kebijakan yang seharusnya diterima dan dinikmati oleh pekerja kanak-

kanak ini. Penindasan sebegini tidak sepatutnya berlaku walau dalam apa sektor sekalipun dalam usaha membentuk suasana kerja yang harmoni.

### **Peruntukan undang-undang mengenai buruh kanak-kanak**

#### i) *Akta Kanak-kanak 2001*

Menurut tafsiran Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak ialah 'seseorang di bawah umur 18 tahun'. Akta ini tiada peruntukan secara spesifik membincangkan mengenai buruh kanak-kanak. Menurut seksyen 32 akta ini, adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang yang membenarkan kanak-kanak berada di jalanan, premis atau tempat lain dengan tujuan untuk mengemis dan menerima wang sama ada melalui perbuatan menyanyi, memainkan, mempersembahkan atau menawarkan sesuatu untuk jualan. Perbuatan ini juga disifatkan sebagai mengeksplotasikan kanak-kanak. Perbuatan mengemis bagi seorang kanak-kanak merupakan satu kesalahan turut dinyatakan dalam akta lama iaitu Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991. Di bawah akta ini, seksyen 2(2)(g) menyatakan bahawa kanak-kanak memerlukan perlindungan jika didapati mengemis. Pengemis adalah satu pekerjaan yang hina selain dari pelacuran dan adalah menjadi satu kesalahan membenarkan kanak-kanak menjadi pengemis (Rozanah, 1996). Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 ini walau bagaimanapun dimansuhkan bersama-sama Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 menerusi seksyen 130 Akta Kanak-Kanak 2001.

#### ii) *Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966*

Kanak-kanak diinterpretasikan di bawah akta ini di bawah seksyen 1A(1) sebagai seorang yang belum mencukupi 14 tahun manakala orang muda atau remaja ditafsirkan sebagai bukan kanak-kanak tetapi belum cukup umur 16 tahun. Takrifan ini agak berbeza dengan istilah kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Tidak kira sama ada kanak-kanak ataupun remaja, golongan yang bekerja pada sekitar umur tersebut dikatakan sebagai buruh kanak-kanak.

Seksyen 13 Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 memperuntukkan bahawa kanak-kanak atau orang muda layak masuki kontrak perkhidmatan selagi tidak bertentangan dengan Akta Kontrak 1950 atau mana-mana undang-undang bertulis lain dan boleh bertindak sebagai plaintif tanpa bantuan pihak lain atau pembelaan tanpa penjaga ad litem. Kanak-kanak ini hanya dibenarkan bekerja dalam perkara-perkara berikut menurut seksyen 2 Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 iaitu:

- i) pekerjaan ringan yang sesuai dengan keupayaan di dalam sesebuah perniagaan keluarga
- ii) pekerjaan melibatkan hiburan awam yang sesuai dengan terma-terma dan syarat-syarat lesen yang diperolehi menurut akta ini serta melalui Jabatan Buruh
- iii) pekerjaan dalam melaksanakan kerja yang diluluskan atau ditaja oleh kerajaan dan dilakukan di mana-mana sekolah atau institusi latihan
- iv) pekerjaan sebagai perantis di bawah satu kontrak perantis bertulis yang diluluskan oleh Jabatan Buruh atau Jabatan Sumber Manusia.

Bagi golongan orang muda atau remaja pula, syarat-syaratnya adalah sama melainkan syarat pertama iaitu bukanlah kemestian sesuatu pekerjaan itu dilakukan oleh keluarga sahaja. Sebagai tambahan, orang muda boleh bekerja sebagai pengasuh atau di pejabat, gudang, kedai dan dalam bidang industri yang sesuai dengan keupayaan atau sektor perkapalan dengan keizinan ibu bapa atau penjaga seperti yang termaktub dalam Konvensyen ILO no: 7. Selain itu, golongan ini tidak boleh bekerja di hotel, bar, restoran atau kelab tanpa kebenaran ibu bapa atau penjaga. Menurut seksyen 2 (5) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, kanak-kanak dan orang muda juga dihalang dari melakukan pekerjaan yang bertentangan dengan peruntukan di bawah Akta Kilang dan Mesin 1967 dan Akta Elektrik 1949 atau kerja-kerja bawah tanah.

Seksyen 4 Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 menyatakan bahawa adalah menjadi satu kesalahan untuk bekerja melebihi enam hari dalam seminggu. Bagi kanak-kanak, seksyen 5 Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 menyatakan bahawa kanak-kanak yang bekerja adalah dilarang:

- i) bekerja dari pukul 8 malam hingga 7 pagi,
- ii) bekerja dalam tiga jam berterusan tanpa rehat sekurang-kurangnya 30 minit,
- iii) bekerja melebihi enam jam sehari dan sekiranya bersekolah, termasuk waktu di sekolah melebihi tujuh jam atau;
- iv) mula bekerja pada mana-mana hari tanpa ada sekurang-kurangnya 14 jam berterusan bebas dari bekerja.

Bagi orang muda, seksyen 6 Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 menyatakan bahawa akta tidak membenarkan orang muda:

- i) bekerja antara pukul 8 malam hingga 6 pagi
- ii) bekerja lebih dari empat jam berterusan tanpa masa rehat sekurang-kurangnya 30 minit
- iii) bekerja lebih tujuh jam sehari atau sekiranya bersekolah, termasuk waktu bersekolah tidak lebih lapan jam melainkan seorang perantis di bawah seksyen 2 (2) (d) yang membenarkan masa bekerja lebih lapan jam sehari atau;
- iv) memulakan kerja pada suatu hari tanpa terlebih dahulu bebas daripada kerja selama tempoh tidak kurang dari 12 jam berturut-turut.

Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 hanya ada peruntukan terhadap perlindungan spesifik terhadap syarat bekerja dan bilangan hari bekerja serta jenis pekerjaan yang boleh diceburi. Akta ini tidak menyatakan perihal hari cuti, cuti tahunan serta cuti sakit. Sekiranya seseorang kanak-kanak atau orang muda itu bekerja secara sah di sisi undang-undang, maka segala keistimewaan yang dinikmati oleh seorang pekerja di dalam Akta Pekerja 1955 seharusnya juga dinikmati di bawah akta ini. Tambahan pula, Akta Pekerja 1955 tidak menjelaskan perihal umur bagi seseorang pekerja itu.

Tiada sebarang had minimum upah atau gaji diperuntukkan di bawah akta ini tetapi sekiranya upah terlalu rendah, maka Menteri Sumber Manusia boleh mengarahkan satu siasatan untuk mendapat pandangan mengenai jumlah upah yang sepatutnya dibayar. Namun begitu, hanya satu peruntukan terhadap seseorang berusia antara 14-16 tahun,

iaitu di sektor perhotelan di mana seseorang pekerja tetap di bawah Perintah Peraturan-Peraturan Gaji dan Hotel dan Katering, seseorang itu perlu dibayar tidak kurang dari RM 125.00 sebulan.

iii) *Akta Kilung dan Jentera 1967*

Tiada definisi kanak-kanak diberikan di bawah akta ini. Namun orang muda atau remaja menurut seksyen 13 Akta Kilang dan Jentera 1967 diistilahkan sebagai seorang yang belum memenuhi usia 16 tahun. Seorang remaja itu tidak dibolehkan terlibat dalam pengurusan atau berkaitan dengan alat-alat mesin. Peruntukan ini terkandung di bawah seksyen 28(1) Akta Kilang dan Jentera 1967. Dalam kes *Liang Jee Keng lwn Yik Kee Restaurant Sdn. Bhd* [1991] 3 MLJ 178, seorang pekerja yang berusia 4 tahun 11 bulan mengalami cedera parah apabila tangan kirinya termasuk ke dalam mesin pelumat daging ketika dia sedang menggunakanannya. Mahkamah memutuskan bahawa mesin pelumat daging itu merupakan satu alat yang tidak bertentangan dengan akta dan walaupun ia adalah sejenis mesin isunya sama ada mesin itu adalah untuk kegunaan persendirian atau untuk pengendalian restoran. Seksyen 3 Akta Kilang dan Jentera 1967 menyebut mesin termasuklah ‘mana-mana mesin untuk kegunaan persendirian atau tujuan domestik.’ Harus diingat bahawa restoran bukannya sebuah ‘kilang’ tetapi sebuah industri menurut seksyen 2(10) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Oleh yang demikian, menurut seksyen 28(2) Akta Kilang dan Jentera 1967, adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memastikan dan memerhatikan pekerja terbabit. Peruntukan yang sama juga menyatakan bahawa pekerja remaja hanya boleh bekerja di dalam urusan pengendalian mesin sekiranya menerima kursus latihan dari sekolah-sekolah kerajaan atau lain-lain institusi pendidikan atau perantis yang diiktiraf.

iv) *Akta Pampasan Pekerja 1952 (semakan 1982)*

Akta ini memberi peruntukan pampasan kepada mana-mana pekerja atas kecederaan yang dialami waktu bekerja. ‘Minor’ diistilahkan menurut seksyen 2(1) Akta Pampasan Pekerja 1952 sebagai seseorang yang belum mencukupi usia 16 tahun. Pekerja minor diberi ganti rugi yang sama seperti juga dengan pekerja dewasa jika mengalami kecederaan semasa bekerja.

v) *Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969*

Di bawah akta ini, ia tidak mengecualikan kanak-kanak dan orang muda untuk menerima perlindungan seperti juga pekerja dewasa atas sumbangan oleh majikan untuk pekerja-pekerjanya dan lain-lain faedah kepada para pekerja. Sekiranya terdapat lima atau lebih orang pekerja termasuk orang muda sekiranya sudah mendaftar di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial, ia akan dilindungi di bawah SOCSO.

vi) *Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991*

Seksyen 2 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mentakrifkan pekerja sebagai seorang yang diambil bekerja di bawah kontrak servis atau perantis kepada majikan. Pindaan kepada peruntukan di dalam akta ini memotong perkataan “telah mencapai usia 16 tahun”, oleh yang demikian, akta ini juga merangkumi pekerja kanak-kanak dan remaja.

#### vi) Akta Pekerja 1955

Seksyen 16 Akta Pekerja 1955 menyebut bahawa apa-apa di bawah Jadual Pertama adalah terpakai kepada mana-mana pekerja kanak-kanak atau orang muda. Dengan ini, banyak perkara atau hak yang sama turut dinikmati seperti pekerja dewasa. Peruntukan lain di bawah akta ini yang terpakai kepada kanak-kanak dan orang muda termasuklah seksyen 8, 10, 11 hingga 29, 31, 32, 37 hingga 40, 57, 61 hingga 92, 94, 97 hingga 99, 101 dan 102 (selain perenggan (b) subseksyen 2).

### Kesimpulan

Pada kebiasaannya, dalam keadaan seseorang kanak-kanak diambil sebagai pekerja, majikan biasanya tidak menyimpan rekod pendaftaran pekerja dan gaji. Rekod seperti ini adalah amat penting bagi mengelakkan eksploitasi terhadap kanak-kanak. Sekiranya berlaku penindasan atau kemalangan, mana-mana pekerja yang tidak berdaftar adalah sukar untuk mendapatkan haknya di sisi undang-undang. Pekerja separuh masa di kalangan pelajar di bawah usia 16 tahun adalah ramai dan seharusnya mereka tahu akan hak mereka agar tidak ditindas. Tinjauan harus dilakukan oleh pihak berwajib khususnya pada waktu malam untuk memastikan tiada kanak-kanak yang bekerja selepas jam 8 malam. Gesaan MTUC juga yang meminta kerajaan mengiktiraf Konvensyen ILO no: 182 bagi penghapusan buruh kanak-kanak harus dipandang serius (Utusan Malaysia, 2000).

Seharusnya Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, Akta Kanak-Kanak 2001 serta akta-akta yang berkaitan dengan pekerja kanak-kanak ini menambah satu peruntukan berhubung pengeksploitasi kanak-kanak. Ini dapat memperbaiki status dan perlindungan terhadap golongan ini. Walaupun masalah buruh kanak-kanak di negara kita masih belum di tahap kritikal sebagaimana beberapa buah negara lain di Asia seperti laporan *Malaysia Population Census*, dalam keadaan persaingan ekonomi yang kian getir, tidak mustahil jumlahnya akan terus meningkat saban tahun. Oleh itu, semua pihak harus peka dengan keadaan ini supaya golongan ini bukan saja tidak ditindas malah turut menikmati hak seperti pekerja dewasa.

## Bibliografi

- Akta baru buruh kanak-kanak (1993). *Berita Harian*, 1 Julai hlm 24.
- Akta Buruh kanak-kanak dikaji (1996). *Berita Harian*, 4 April hlm 4.
- Akta Kanak-kanak 2001
- Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969
- Akta Kilang dan Jentera 1967
- Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
- Akta Pampasan Pekerja 1952 (semakan 1982)
- Akta Pekerja 1955
- Anwarul Yaqin (1996). *Law and society in Malaysia*. Golden Books Centre, Kuala Lumpur
- Enakmen Kanak-Kanak 1922
- Gaji minimum antara wawasan MTUC sempena alaf baru. (2000). Utusan Malaysia, 1 Januari hlm 2.
- Jomo, K.S. (1992). *Child labour in Malaysia*, Forum for labour studies programme, Institute for Advanced Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Kod Pekerja 1935
- Laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa 1998
- Laporan Perubatan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (1993). Kuala Lumpur
- Majikan guna buruh kanak-kanak didakwa. (1997). *Berita Harian*, 23 April hlm 4.
- Malaysia Population Cencus Report (1990). Kuala Lumpur
- Malaysia Statistics Department Report (1998). Kuala Lumpur
- Malaysian Population Census Report (1980). Kuala Lumpur

Pang Yin Fong (1993). Childeren Woking Unseen, *New Straits Times*, 4 Mac,  
hlm 30

Persidangan Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak (1991). *The Protection of child labour  
in Malaysia and the law and it's enforcement*, Kuala Lumpur

Rasamani Kandiah (1995). *What our government are doing about child exploitation.*  
Conference on children's right, Kuala Lumpur, 26-27 Oktober

Rozanah Ab Rahman (1996). Child labour in Malaysia: A general legal perspective.  
*Business Law Journal*, hlm xcviii.

Sinniah, B (2000). *Working children in commercial sector in Malaysia*. Terdapat di:  
<http://www.cwa.loxinfo.co.th/booklet.Malaysia.htm>